

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Matematik
Kertas 1
Set 5/2001
1 Jam

KERTAS MODEL
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2001

MATEMATIK
Satu jam

Arahan Am:

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.*
2. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
3. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*

01. $609 \times 56 =$

A 34 100

B 34 104

C 38 640

D 39585

02. $48\,884 \div 44 =$

A 1111

B 1110

C 1101

D 1011

03. $89.07 \times 70.4 =$

A 627 528

B 627 052.8

C 314 88

D 6 270.528

04. Nilai bagi $\frac{4}{10} + \frac{5}{1000}$ dalam nombor perpuluhan ialah

A 0.405

B 4.05

C 405

D 0405

05. $3\frac{2}{4} + \frac{5}{8} =$

A $3\frac{1}{8}$

B $4\frac{9}{8}$

C $4\frac{1}{8}$

D $3\frac{7}{12}$

06. $5\frac{1}{3} - 3\frac{2}{3} =$

A $1\frac{2}{3}$

B $2\frac{1}{3}$

C $\frac{1}{3}$

D $2\frac{2}{3}$

07.

Mata Pelajaran	Markah
Bahasa Melayu(Penulisan)	55
Bahasa Melayu (Pemahaman)	78
Bahasa Inggeris	
Matematik	94
Sains	82

Jadual 1

Jadual 1 menunjukkan markah yang diperolehi oleh Azmi dalam satu peperiksaan. Jika purata markah dalam peperiksaan itu ialah 75, Markah bagi Bahasa Inggeris ialah

A 61

B 66

C 79

D 96

08. Berapakah mesti ditambah kepada 11.959 supaya menjadi 30?

A 18.041

B 18.41

C 41.959

D 41.995

09. 433 629 dibundarkan kepada puluh ribu yang hampir ialah

A 400 000

B 433 600

C 430 000

D 434 000

10. Harga sehelai baju RM29.90, sepasang kasut RM48.90 dan sehelai kain RM59.90
Puan Aini membeli dua helai baju, sepasang kasut dan sehelai kain. Setelah membayar harga pakaian dan kasut yang dibeli. Puan Aini masih ada RM155.70. Berapakah wang Puan Aini pada mulanya?
A RM 12.90
B RM168.60
C RM324.30
D RM138.70
11. Azmi ada RM75. dia menggunakan $\frac{1}{3}$ daripada wangnya untuk membeli dua helai baju kemeja. Berapakah harga sehelai baju kemeja?
A RM12.50
B RM15.50
C RM25.50
D RM50.00
12. Seorang pekedai menjual sebuah gitar dengan harga RM 195 sebuah. Jika harga kos sebuah gitar ialah RM155 sebuah, berapakah yang perlu dijual oleh pekedai itu supaya dia dapat keuntungan sebanyak RM200?
A 4 buah
B 5 buah
C 6 buah
D 10 buah
13. Encik Ahmad membeli seguni gula yang beratnya 200.2 kg. Dia membahagikan gula itu kepada 50 orang miskin. Berapa banyakkah gula yang akan diterima oleh setiap orang miskin itu?
A 4.04 kg
B 4.004 kg
C 4.4 kg
D 4.0004 kg
14. Cari purata bagi $\frac{1}{2}$ jam, $\frac{1}{4}$ jam, $\frac{2}{10}$ jam, 33 minit dan 10 minit, dalam minit.
A 20 minit
B 50 minit
C 100 minit
D 20 saat


15. Kadar penggunaan air di kedai minum Encik Zainal adalah seperti berikut:

Isnin hingga Sabtu : 30 liter
Ahad : 0.9 liter

Berapa liter airkah yang digunakan oleh kedai minum Encik zainal dalam masa 5 minggu?

- A 15.4 liter
- B 150 liter
- C 154.5 liter
- D 1545 liter

16.



Rajah 1

Rajah 3 menunjukkan satu garis nombor. Nilai Z ialah


- A $\frac{1}{5}$
- B $\frac{5}{5}$
- C $\frac{3}{10}$
- D $\frac{4}{10}$

17. Seorang pekerja diberi gaji RM800 sebulan pada bulan November dan Disember. Gajinya bertambah sebanyak 10% pada bulan Januari. Berapakah jumlah gajinya untuk ketiga-tiga bulan itu?

- A RM1760.00
- B RM2400.00
- C RM2480.00
- D RM2560.00

18. 2900 biji guli dibahagikan antara Azmi dan Azman. Azmi mendapat 250 biji guli lebih daripada Azman. Bilangan guli yang diperolehi Azman ialah
- A 200
 - B 1450
 - C 1700
 - D 2650
19. Dalam tahun 1995, bilangan penduduk Taman Macang ialah 2800 orang. Dalam tahun 1996, bilangan penduduk kampung itu meningkat sebanyak 1200 orang dan bilangan itu kekal pada tahun berikutnya. Dalam tahun 1998, bilangan penduduk kampung itu berkurangan sebanyak 150 orang daripada tahun 1997. Berapakah jumlah penduduk Taman Macang pada tahun 1993?
- A 2650
 - B 2800
 - C 3850
 - D 4000

20.



Luas kawasan berlorek dalam Rajah 2 ialah 40% daripada seluruh rajah. Berapakah pecahan kawasan berlorek itu daripada seluruh rajah?

- A $\frac{20}{10}$
 - B $\frac{1}{5}$
 - C $\frac{4}{50}$
 - D $\frac{2}{5}$
21. Jarak rumah Ali ke sekolah ialah 3.8 km. Berapakah jumlah jarak perjalanan dari rumah Ali ke sekolahnya selama 5 hari persekolahan jika dia berulang-alik dengan basikal?
- A 19 km
 - B 26.6 km
 - C 38 km
 - D 380 km

22. Antara yang berikut yang manakah sama dengan $1 + \frac{10}{1000}$?

- A 1.1
- B 1.01
- C 1.001
- D 0.1

23.

Barang	Harga Kos	Harga Jual
Seluar	RM188.00	RM208.00
Baju	RM245.00	?

Jadual 2

Jadual 2 menunjukkan harga kos dan harga jual bagi dua barang yang dijual oleh Ahmad. Ahmad mendapat jumlah keuntungan jualan bagi kedua barang itu sebanyak RM75.00. Berapakah harga jual baju itu?

- A RM55.00
- B RM283.00
- C RM300.00
- D RM320.00

24. Berat Siva ialah 38 kg, manakala berat Muthu ialah 2 kali ganda berat Siva. Cari berat Siva dan Muthu.

- A 38 kg
- B 76 kg
- C 86 kg
- D 114 kg


25. Umur Aminah ialah 11 tahun 6 bulan. Umur Anita adalah 11 tahun 3 bulan dan umur Asmah 2 tahun 2 bulan lebih tua daripada umur Aminah. Cari jumlah umur mereka?

- A 22 tahun 9 bulan
- B 24 tahun 11 bulan
- C 34 tahun 3 bulan
- D 36 tahun 5 bulan

26. Sebuah bas kilang membawa 36 orang. Jika bas itu perlu membawa 104 orang berapa kalikah bas itu perlu mengangkut pekerja berkenaan?

- A 2 kali
- B 3 kali
- C 4 kali
- D 5 kali


27.



PQR ialah garis lurus. Panjang QR adalah tiga kali ganda panjang PQ. Panjang PR ialah
A 10.5 cm
B 11 cm
C 12.50 cm
D 14 cm

28. Adie ada 2400 biji manik. Adie memberi $\frac{1}{5}$ daripada manik itu kepada kamal dan $\frac{1}{3}$ daripada baki manik itu kepada Mazli. Berapa bijikah manik yang masih ada pada Adie?
A 480
B 640
C 1280
D 1920

29.




Rajah 4 ialah sebuah segiempat sama ABCD dan sebuah segiempat tepat PQRS. Hitung luas PQRS dalam cm.

- A 16 cm
- B 27 cm
- C 36 cm
- D 80 cm

30. Shalini menukar RM75.00 kepada duit siling 20 sen dan 5 sen. Shalini menerima 200 keping wang syiling 20 sen. Berapa keeping duit syiling yang akan diterima oleh Shalini?
- A 35 keping
 B 40 keping
 C 700 keping
 D 7000 keping

31.



Rajah 5

Rajah 5 terdiri daripada beberapa segiempat sama. Cari peratus petak yang berlorek daripada semua petak dalam rajah itu.

- A 25 %
 B 32.5
 C 33.33%
 D 40 %
32. Pak Abu memiliki 100 hektar tanah. Tanah tersebut dibahagikan kepada 5 orang anaknya. Berapa peratuskah tanah yang diperolehi oleh setiap anaknya?
- A 5 %
 B 10 %
 C 20 %
 D 50 %
33. Harga sebatang pen RM58.90, sebuah buku RM7.80 dan sebatang pensel RM1.95 jika Adrina membeli 2 batang pen, 3 buah buku dan 2 batang pensel, berapakah yang perlu dibayar oleh Adrina?
- A RM68.65
 B RM144.10
 C RM145.10
 D RM 1451.10
34. Puan Maimun membeli 24 kotak oren. Setiap kotak mengandungi 48 biji oren. 52 biji oren didapati telah rosak, Puan Maimun membahagikan oren itu kepada 10 orang jirannya. Berapa biji orenkah yang diperolehi oleh setiap jirannya?
- A 110
 B 162
 C 1100
 D 1152

35. Jumlah air sirap dalam tiga botol ialah 0.75 liter. Berapa liter air sirap yang terdapat di dalam 30 botol yang sama?
 A 7.5 liter
 B 22.5 liter
 C 75 liter
 D 225 liter
36. Sebuah mesin boleh menghasilkan 1000 keping kad dalam masa 20 saat. Berapa keping kad yang dapat dihasilkan dalam masa 5 jam?
 A 4000
 B 5000
 C 15000
 D 20000
37. Puan Aida membeli satu gulung kain yang berukuran 18 meter. Satu gulung kain itu boleh menghasilkan 4 pasang baju kebaya. Berapa gulung kainkah yang diperlukan untuk membuat 40 pasang baju kebaya?
 A 10
 B 100
 C 180
 D 720

38.

Barang	Harga	Diskaun
Televisyen	RM2800	30%
Peti Sejuk	RM1800	15 %

Jadual 3

Jadual 3 menunjukkan harga dan diskaun bagi sebuah televisyen dan peti sejuk. Berapa beza harga antara televisyen dan peti sejuk selepas diskaun?

- A RM430
 B RM1000
 C RM1530
 D RM1960
39. Seorang guru menganggarkan 70 % daripada 280 orang murid yang menduduki UPSR akan lulus dalam semua mata pelajaran. Apabila keputusan UPSR diumumkan jumlah murid yang lulus adalah lebih 15 orang daripada anggaran guru itu. Berapakah bilangan murid yang gagal?
 A 69
 B 196
 C 200
 D 211

40. Pak Kasim menggunakan tanah seluas 1116 m persegi untuk ditanam dengan pisang dan buah-buahan lain. Jika panjang tanah itu adalah 40 m, cari lebar tanah tersebut?
- A 2.79 m
 - B 27.9 m
 - C 279 m
 - D 44640 m

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 5/2001

- | | |
|-------|-------|
| 1. B | 21. C |
| 2. A | 22. B |
| 3. D | 23. C |
| 4. A | 24. A |
| 5. C | 25. D |
| 6. A | 26. B |
| 7. B | 27. D |
| 8. A | 28. C |
| 9. D | 29. D |
| 10. C | 30. C |
| 11. A | 31. A |
| 12. B | 32. C |
| 13. B | 33. C |
| 14. A | 34. A |
| 15. C | 35. A |
| 16. C | 36. C |
| 17. D | 37. A |
| 18. A | 38. A |
| 19. A | 39. A |
| 20. D | 40. A |